

SOALAN-SOALAN LAZIM BERKAITAN PELESENAN MPOB

Bil	Soalan	Jawapan
1.	<p>Bagaimanakah cara untuk memohon lesen MPOB?</p>	<p>Permohonan lesen MPOB hendaklah dibuat secara atas talian di laman sesawang MyLesen MPOB. Pilih pelayar-pelayar utama (terkini) yang serasi dengan piawaian HTML contohnya Google Chrome. Taip URL https://e-lesen.mpob.gov.my (untuk kategori utama) atau https://elesenpk.mpob.gov.my (untuk kategori Kebun Kecil).</p> <p><u>Permohonan Lesen Kategori Utama</u> Rujuk 'Panduan Pelesenan' yang terdapat di Sistem MyLesen MPOB bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung kriteria dan panduan permohonan lesen MPOB.</p> <p><u>Permohonan Lesen Kebun Kecil</u> Setelah mengisi borang secara atas talian, dokumen berkaitan permohonan seperti salinan kad pengenalan, salinan geran tanah, surat kuasa, borang pengesahan tanaman hendaklah dimuatnaik ke dalam permohonan sebelum dihantar.</p>
2.	<p>Apakah peluang-peluang perniagaan yang boleh saya ceburi dalam industri sawit ini?</p>	<p>Terdapat 4 sektor utama yang terlibat dalam industri sawit iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> i.) Perladangan ii.) Pengilangan iii.) Perniagaan iv.) Perkhidmatan. <p>Anda boleh memilih sektor perniagaan mengikut kesesuaian syarikat anda.</p> <p>Sila rujuk Panduan dan Kriteria Permohonan Lesen MPOB yang terdapat di laman sesawang MyLesen MPOB untuk mendapatkan senarai aktiviti dan keluaran kelapa sawit secara terperinci.</p>
3.	<p>Berapakah tempoh masa untuk mendapatkan lesen MPOB?</p>	<p>Keputusan mengenai permohonan lesen baharu dan pembaharuan lesen adalah setelah permohonan diterima lengkap untuk diproses.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Permohonan Lesen Baharu <ul style="list-style-type: none"> i.) Kebun Kecil dan Estet – 5 hari bekerja ii.) Lain-lain kategori utama - 15 hari bekerja b) Pembaharuan Lesen – 5 hari bekerja <p>Manakala bagi permohonan kategori memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit (MB) dan tambahan daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit (MF) adalah 30 hari bekerja.</p>

4.	Berapakah jumlah bayaran atau fi lesen yang dikenakan?	<ul style="list-style-type: none"> i. RM 100 bagi setiap aktiviti dan setiap kelas keluaran kelapa sawit ii. RM 500 bagi :- <ul style="list-style-type: none"> a) Mengilang buah kelapa sawit b) Memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit c) Memulakan pembinaan kemudahan simpanan pukal iii. Percuma untuk pekebun kecil (saiz kebun kelapa sawit kurang 100 ekar atau 40.46 hektar)
5.	Bagaimana sekiranya permohonan lesen ditolak?	<p>Pemohon boleh mengemukakan rayuan melalui sistem MyLesen MPOB dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis tolak atau mengemukakan surat rayuan secara bertulis kepada MPOB dengan bayaran fi rayuan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ RM1,000.00 untuk kategori MF dan PM, atau ✓ RM500.00 untuk lain-lain kategori.
6.	Bolehkah aktiviti membeli dan mengalih buah kelapa sawit (FFB), menjual dan mengalih FFB ditambah pada lesen peniaga minyak?	Tidak boleh, kerana aktiviti membeli dan mengalih FFB, menjual dan mengalih FFB adalah dibawah kategori lesen peniaga buah kelapa sawit (DF).
7.	Bolehkah aktiviti mengimport keluaran kelapa sawit ditambah pada lesen peniaga minyak sawit?	Tidak boleh, kerana aktiviti mengimport keluaran kelapa sawit adalah dibawah kategori pengimport keluaran kelapa sawit (PM).
8.	Bolehkah semasa membuat permohonan pembaharuan lesen saya membuat perubahan maklumat sekali?	Tidak boleh. Sebarang perubahan atau pindaan maklumat hendaklah dibuat melalui permohonan pindaan butiran lesen.
9.	Bolehkah saya menukar entiti syarikat saya daripada pemilikan tunggal kepada perkongsian?	Tidak boleh, sebarang perubahan entiti syarikat daripada pemilikan tunggal kepada perkongsian perlu mengemukakan permohonan lesen baharu (pengambilalihan) walaupun nama syarikat dan no. pendaftaran syarikat tidak berubah.
10.	Saya telah lewat memperbaharui lesen dan telah dikenakan fi lewat dan fi tamat tempoh. Bolehkah saya membuat permohonan lesen baharu sahaja.(bagi mengelakkan bayaran fi lewat dan fi tamat tempoh).	<p>Boleh, sekiranya lesen pemohon tamat tempoh pada 31 Januari 2021 dan pemohon membuat permohonan lesen baharu pada 1 April 2021. Permohonan lesen baharu akan dipertimbangkan setelah lesen lama dibatalkan dengan membuat semakan terhadap laporan penghantaran penyata bulanan syarikat.</p> <p>Tidak boleh, sekiranya pemohon membuat permohonan baharu pada Mac 2021 kerana lesen lama pemohon masih dalam tempoh yang dibenarkan untuk diperbaharui.</p>